

Semak label pengkelasan sebelum meracun tanaman

Golongan petani dinasihatkan untuk membeli racun makhluk perosak yang berdaftar serta memeriksa dengan teliti label pengkelasannya untuk mengelakkan ancaman keselamatan terhadap makanan.

SELASA lalu, akbar melaporkan keselamatan makanan negara berada dalam keadaan terancam apabila terdapat lambakan racun makhluk perosak tidak berdaftar dijual secara berleluasa di pasaran tempatan.

Masalah yang diperdayai berlaku secara serius di negeri-negeri bersempadan dengan negara jiran seperti Perak, Kedah, Perlis dan Kelantan itu.

Situasi tersebut lantas mendatangkan kebimbangan dalam kalangan penduduk setempat. Penggunaan racun tidak berdaftar ini bukan sekadar menyebabkan keselamatan makanan negara terancam, malah turut membahayakan kesihatan masyarakat dan merosakkan alam sekitar.

Bagi mengetahui lebih lanjut mengenai penggunaan racun tidak berdaftar terhadap sumber makanan, wartawan Kosmo Ahad! KHAIRIYAH HANAFI menemu bual Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Jamal Harizan Yang Razali di pejabatnya di Wisma Tani, Putrajaya baru-baru ini.

KOSMO! AHAD: Boleh Datuk ulas sedikit mengenai isu ancaman keselamatan makanan yang disebabkan oleh penggunaan racun tidak berdaftar dalam kalangan petani seperti yang dilaporkan baru-baru ini?

JAMAL HARIZAN: Sebenarnya, sekitar penghujung November lalu, Unit Serbuan Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja, Jabatan Pertanian telah membuat serbuan ke atas premis-premis menjual dan menyimpan racun makhluk perosak di negeri Perak.

Dalam serbuan tersebut, kami menemui dan merampas racun makhluk perosak yang disyaki mengandungi bahan aktif tidak berdaftar serta diharapkan penggunaannya di Malaysia. Antaranya adalah *methamidophos*, *monocrotophos* dan *paraquat*. Jualan dan penggunaannya memerlukan permit. Difahamkan, segelintir petani menggunakan racun tersebut untuk hasil tanaman mereka.

Kedua-dua tersebut lantas menimbulkan kerisauan kami. Lebih-lebih lagi, apabila ia boleh menjelaskan tahap kesihatan orang ramai.

Kami dapat masalah ini menjadi serius di beberapa buah negeri iaitu Perak, Kedah, Perlis dan Kelantan yang bersempadan dengan negara

jiran. Rata-rata bekalan racun tidak berjadual dibekalkan dari negara tersebut.

Biarpun begitu, penggunaan racun tidak berdaftar di negara ini masih berada dalam keadaan terkawal. Misalnya, bagi tanaman sumber makanan, kami sentiasa menjalankan program pemantauan residu makhluk perosak. Sampel tanaman akan diambil secara rawak dan dianalisa di makmal residu Jabatan Pertanian.

Boleh Datuk jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan racun tidak berdaftar?

Racun tidak berdaftar merupakan racun yang tidak melalui proses pengkelasan standard daripada Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP). Lazimnya, racun-racun ini dibawa masuk dari negara jiran.

Setakat ini, kerajaan mengharamkan sebanyak 41 jenis racun perosak seperti prothiofos, phenhoate, triazophos, profenos dan quinalphos.

Kesemua racun makhluk perosak mestilah didaftarkan sebelum ia diberi kebenaran untuk dijual dan digunakan oleh petani. Maklumat seperti data keberkesanan, data toksikologi, data kemujaraban, data perumusan, data residu dan lain-lain perlu diserahkan kepada Lembaga Racun Makhluk Perosak untuk dinilai sebelum sesuatu produk racun makhluk perosak mendapat kelulusan untuk didaftarkan.

Sampel racun makhluk perosak itu kemudian perlu dianalisa di makmal terlebih dahulu bagi memastikan jaminan keselamatan produk kepada pengguna. Sebaik

JAMAL dan Jabatan Pertanian sentiasa menyelia hasil tanaman petani bagi memastikan sumber makanan negara selamat.

kesemua analisa yang dilakukan menepati standard ditetapkan dan mendapat kelulusan daripada LRMP, ia akan diberi kebenaran untuk dijual ke pasaran.

Racun kemudian akan diberikan pengkelasan mengikut lima jenis warna yang mewakili tahap bahaya bahan kepada manusia.

Pengkelasan warna-warna tersebut ialah hitam bagi beracun dan amat berbisa, pita merah untuk beracun dan berbisa, kuning bagi beracun, biru bagi berbahaya dan warna putih bagi terkawal dan selamat digunakan.

Siapakah yang bertanggungjawab mengawal penggunaan racun makhluk perosak di negara ini?

LRMP merupakan badan yang dipertanggungjawabkan untuk mendaftar dan mengurus penggunaan racun makhluk perosak di Malaysia.

Lembaga ini akan sentiasa memantau sebarang aktiviti penjualan dan penggunaan racun makhluk perosak yang tidak berdaftar dengan menguatkuasakan Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

Pada pendapat Datuk, apakah punca yang menyebabkan golongan petani cenderung menggunakan racun jenis ini berbanding racun-racun sedia ada?

Perkara ini didorong oleh faktor penjualan harga yang lebih murah. Biasanya harga racun yang tidak berdaftar akan dijual pada harga yang lebih murah daripada harga racun berdaftar.

Disebabkan mahu jimat, mereka mengambil jalan singkat dengan memilih racun yang tidak berdaftar



KOS pembelian racun makhluk perosak yang murah menyebabkan golongan petani menggunakanannya pada tanaman makanan. – Gambar hiasan

tanpa mengambil kira risiko kepada orang ramai.

Bolehkah Datuk senaraikan jenis-jenis racun yang dibolehkan untuk disembur pada tanaman di negara ini?

Jabatan Pertanian telah mendaftarkan kira-kira 3,000 produk yang aktif berada di pasaran dengan pelbagai jenama untuk pelbagai jenis tanaman makanan.

Antara racun yang telah berdaftar dan selamat digunakan oleh golongan petani ialah Mancozeb, Thiram, Atrazine, topramezone, lufeneron. Kesemua racun ini telah dianalisa dan dibuktikan selamat digunakan tanpa membahayakan orang ramai dan alam sekitar.

Disebabkan mahu jimat, mereka mengambil jalan singkat dengan memilih racun yang tidak berdaftar

disyorkan pada label produk serta digunakan secara berhemah.

Biarpun begitu, orang ramai boleh mendapatkan

maklumat lanjut mengenai racun-racun yang dibolehkan dengan melayari laman web Jabatan Pertanian di www.portal.doa.gov.my/sismarp.

Penggunaan racun tidak berdaftar boleh menyebabkan masalah kesihatan seperti kanser, kegagalan buah pinggang dan lain-lain penyakit. Selain kesihatan individu, apakah kesan-kesan sampingan lain yang timbul jika ia masih digunakan secara meluas?

Berdasarkan kes-kes yang berlaku sebelum ini, racun yang tidak berdaftar bukan sahaja mendatangkan kemudaratkan kepada pengguna, tetapi juga terhadap tanaman yang disembur dan alam sekitar. Ia menjadi sangat toksik kepada burung, lebah dan haiwan akutik.

Lebih teruk apabila sesetengah daripada racun tidak berdaftar ini tidak diketahui tahap ketoksyidan dan kandungan bahannya boleh menyebabkan pencemaran air bawah tanah.

Apakah inisiatif Jabatan Pertanian untuk mendidik petani bagi menggunakan racun perosak yang betul dan berkualiti?

Kami sentiasa mengambil berat dan memastikan penghasilan makanan di negara ini sentiasa selamat dan berkualiti dengan memperketatkan penguatkuasaan undang-undang.

Antara inisiatif yang telah dan sentiasa dilakukan ialah memastikan petani mengamalkan amalan pertanian baik dan sentiasa

menganjurkan kempen-kempen berkaitan penggunaan racun makhluk perosak secara berhemah kepada petani.

Kami juga menyediakan program *Integrated Pest Management* kepada golongan petani dan melaksanakan pemantauan residu racun makhluk perosak serta memastikan penguatkuasaan Akta Racun Makhluk Perosak 1974 diakutuasakan di peringkat lapangan.

Selain itu, Jabatan Pertanian juga telah melaksanakan Hari Bertemu Pelanggan di semua Pejabat Pertanian Daerah pada setiap hari Rabu yang mana ia memberi peluang dan ruang kepada petani untuk mendapatkan maklumat berkaitan penggunaan racun secara berhemah.

Boleh Datuk ulas apakah hukuman jika individu tersebut didapati menggunakan racun tidak berjadual terhadap sumber makanan?

Hukuman yang dikenakan adalah di bawah seksyen 53A(2) Akta Racun Makhluk Perosak 1974 iaitu bagi kesalahan kali pertama, pesalah akan dipenjarakan selama satu tahun atau didenda wang tunai sebanyak RM10,000.

Bagi kesalahan kali kedua pula, mereka boleh dipenjarakan selama tiga tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Apakah nasihat Datuk kepada petani dan orang ramai bagi memastikan racun yang digunakan selamat?

Bagi golongan petani, mereka dinasihatkan untuk membaca label yang tertera pada botol racun dan memeriksa nombor LMRF sebelum menggunakannya.

Jika terdapat sebarang keraguan terhadap racun makhluk perosak yang digunakan, mereka boleh menyemak senarai racun makhluk perosak berdaftar di laman web Jabatan Pertanian iaitu www.portal.doa.gov.my/sismarp untuk maklumat lanjut.

Selain itu, mereka juga boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada 660 pegawai pengembangan kami yang terdapat di setiap daerah.

Biarpun begitu, apa yang paling penting ialah golongan ini dinasihatkan untuk membela diri daripada pengilang dan penjual yang menjual racun makhluk perosak yang berdaftar sahaja.

Sekurang-kurangnya dengan mengamalkan langkah-langkah tersebut, sumber makanan di negara ini berada dalam keadaan selamat dan pengguna tidak perlu risau akan tahap kesihatan mereka.



JAMAL menasihatkan para pengguna mengenalpasti pengkelasan racun makhluk perosak terlebih dahulu sebelum digunakan.

EKSTRA

Datuk Jamal Harizan Yang Razali

- Berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pertanian sejak Januari 2018
- Berumur 59 tahun
- Lahir pada 19 Ogos 1959 di Pandang, Kedah
- Menerima Diploma Pertanian dan Ijazah Sarjana Muda Pertanian daripada Universiti Putra Malaysia